



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

UCAPAN

**YB. DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

dibaca oleh YBrs. Puan Farah Adura Binti Hamidi, Timbalan Ketua
Setiausaha (Operasi)

SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PROGRAM MY SPECIAL GOT TALENT

DEWAN SRI PERDANA, LAHAD DATU, SABAH

22 MEI 2025

12.20 TENGAHARI

Kemas kini: 21 Mei 2025



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani, Salam Sabah Maju Jaya,

Terima kasih kepada Pengacara Majlis,

SALUTASI

- Akan dibekalkan secara berasingan -**

PENDAHULUAN

1. Pertamanya saya menyampaikan salam dari YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang tidak dapat bersama-sama kita pada hari ini atas tuntutan lain yang perlu diberi keutamaan. Saya akan membacakan ucapan beliau bagi mewakili KPWKM.
2. Alhamdulillah segala pujian dan syukur saya panjatkan ke hadrat llahi kerana dengan limpah kurnia-Nya kita diberi kesempatan untuk hadir dan berkumpul dalam majlis yang sangat bermakna pada hari ini.

3. Terlebih dahulu saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Jawatankuasa Penganjur atas kejayaan merancang dan melaksanakan program hari ini.

PROGRAM MY SPECIAL GOT TALENT

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Hari ini kita berkumpul bukan sekadar untuk meraikan bakat tetapi juga meraikan semangat keberanian, kreativiti dan keunikan setiap anak-anak istimewa yang mengambil bahagian dalam acara pada hari ini. Dalam dunia yang semakin maju, bakat dan keupayaan tidak lagi boleh diukur berdasarkan kekangan fizikal atau intelektual. Setiap insan memiliki kebolehan yang unik dan hari ini kita diberi peluang untuk menyaksikan kehebatan dan kreativiti daripada anak-anak istimewa kita.
5. Kerajaan dan komuniti kita telah lama berusaha untuk mewujudkan persekitaran yang mesra OKU dan program ini merupakan satu langkah ke hadapan bagi memastikan bakat anak-anak istimewa kita diberi tempat dan penghargaan sewajarnya. Dengan adanya platform seperti ini, kita bukan sahaja mengiktiraf keupayaan mereka tetapi turut memberi mereka keyakinan untuk terus melangkah maju.

6. Saya percaya bahawa setiap individu yang berada disini akan membawa pulang bukan sahaja inspirasi tetapi juga komitmen untuk terus menyokong dan memberi peluang kepada komuniti OKU berkembang. Semoga program ini menjadi titik permulaan bagi lebih banyak kejayaan dan pencapaian yang gemilang.
7. Apabila kita menyaksikan persembahan dan hasil kerja anak-anak istimewa kita pada hari ini, kita bukan sahaja melihat kreativiti tetapi juga daya tahan, kesungguhan dan semangat juang mereka yang luar biasa. Mereka telah mengatasi cabaran, menepis persepsi negatif, dan membuktikan bahawa mereka juga berhak mendapat peluang yang sama. Semoga semangat anak-anak istimewa kita ini menjadi inspirasi kepada kita semua untuk terus mengangkat nilai inklusiviti dan kesetaraan dalam masyarakat.
8. Dalam usaha kita membina masyarakat yang lebih inklusif, sokongan dan peluang yang diberikan kepada individu OKU adalah amat penting. Program seperti ini bukan hanya memberi mereka pentas untuk berkarya, tetapi juga membuka ruang kepada mereka untuk berkembang dan menyumbang kepada komuniti. Kita harus bersama-sama memastikan bahawa setiap insan tanpa mengira keupayaan fizikal atau mental, mendapat akses kepada pendidikan, pekerjaan serta ruang untuk menunjukkan potensi diri.

9. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih dan syabas kepada semua tenaga pengajar anak-anak istimewa kita ini. Saya percaya tuan/puan adalah insan yang sangat hebat kerana mampu mendidik dan membimbing anak-anak ini. Semoga usaha serta kesabaran tuan/puan diberkati oleh Yang Maha Esa.

KEBAJIKAN OKU DAN PROGRAM PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PPDK)

Para hadirin yang dihormati sekalian,

10. Kerajaan sentiasa prihatin dengan kebajikan golongan OKU. Dalam **Belanjawan 2025**, Kerajaan memperuntukan lebih **RM1.3 bilion** khusus untuk golongan OKU berbanding **RM1.2 bilion** pada tahun sebelumnya. Kebanyakannya adalah tertumpu kepada aspek meningkatkan kebajikan serta kesejahteraan golongan istimewa ini.
11. Bagi memastikan Program Pemulihan Dalam Komuniti (PPDK) terus kekal beroperasi dan relaven dalam mendidik anak-anak istimewa, Kementerian melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menyalurkan peruntukan berjumlah lebih **RM13 juta** bagi menampung kos pengoperasian sebanyak **38 buah PPDK yang beroperasi di seluruh Negeri Sabah tahun 2025 ini**.

PENUTUP

12. Tuan-tuan dan puan-puan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus menjayakan program hari ini. Kerjasama erat antara pelbagai pihak membuktikan bahawa kita mampu melaksanakan perubahan besar dalam kehidupan mereka yang memerlukan.
13. Sebagai penutup, saya menyeru kepada semua hadirin agar kita terus menyokong dan memperkasakan golongan OKU. Biarlah kejayaan mereka hari ini menjadi pemangkin kepada lebih banyak usaha untuk membina masyarakat yang penuh dengan empati, kasih sayang dan penghormatan terhadap keunikan setiap individu.
14. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Program *My Special Got Talent* pada hari ini.

Sekian,

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

